

## Asas Teori Erikson

Pembentukan teori Erikson berkaitan dengan perkembangan ego. Ini adalah hasil lanjutan dari konsep perkembangan psikoseksual Freud. Erikson telah menyarankan 4 cara penting yang muktamad yang berbeza dari psikoanalisis klasik.

- i. Ia mementingkan ego daripada id. Ia berpendapat ego adalah asas manusia bertingkah laku dan berfungsi. Ia menganggap ego sebagai struktur personaliti yang autonomi yang mengikut perkembangan “sosial-adaptive” yang selari dengan perkembangan id dan naluri. Pandangan tentang asal semulajadi manusia dikenali psikologi ego. Ia menggambarkan manusia adalah lebih rasional dan menyedar dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Erikson mengemukakan bahawa ego adalah sistem autonomi yang berunding kebenaran melalui persepsi, pemikiran, perhatian dan peringatan. Disebabkan mementing pada fungsi penyesuaian ego. Erikson berpendapat seseorang boleh menjadi lebih cekap dalam berurusan dengan persekitaran sepanjang perkembangannya.
- ii. Erikson memperkenalkan perspektif baru berkaitan dengan perhubungan individu dengan ibu bapa dan konteks budaya di mana keluarga itu berada. Erikson menekankan latar belakang historikal di mana ego kanak-kanak itu diacu atau dibentuk. Ia bergantung kepada kajian kes pada kehidupan manusia yang berbeza budaya untuk menunjukkan bagaimana perkembangan ego adalah tidak dapat melepaskan daripada terikat dengan perubahan semulajadi institusi sosial dan sistem nilai.
- iii. Teori perkembangan ego Erikson melingkungi keseluruhan hayat hidup individu ( iaitu dari bayi kepada remaja dan kematangan serta umur tua )
- iv. Tugas Erikson adalah menarik perhatian kepada keupayaan manusia untuk mengatasi kesulitan psikososial kehidupan.

Maka teorinya memfokus pada kualiti ego ( seperti nilai ) yang wujud pada